

Mun Chee, Thean Weng, Gurvinderjeet pelajar Wilayah catat 12A1

Archival News | Utusan Malaysia | 11/03/2005 | Author: MARZITA ABDULLAH

KUALA LUMPUR 10 Mac _ Tiga pelajar iaitu Chong Mun Chee, Gurvinderjeet Kaur dan Woon Thean Weng Calvin muncul pelajar cemerlang Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan mencatat keputusan 12A1 dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2004.

Mun Chee merupakan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Bandaraya manakala Gurvinderjeet dan Thean Weng masing-masing dari SMK Convent Bukit Nanas dan SMK Seksyen 5 Wangsa Maju.

Kejayaan Mun Chee dan Thean Weng membuktikan pelajar dari sekolah harian biasa, yang sebelum ini tidak pernah tersenarai dalam kumpulan sekolah cemerlang, turut mampu mencatatkan keputusan yang membanggakan.

Malah pelajar cemerlang itu menyifatkan keputusan mereka mengambil 12 mata pelajaran sebagai usaha menambah ilmu pengetahuan dan untuk kepuasan diri sendiri.

Menurut Mun Chee, dia tidak mempunyai jadual belajar khas sebaliknya mengulang kaji pelajaran mengikut 'mood' yang sesuai.

"Namun yang penting ialah sentiasa bertanya kepada guru atau kawan-kawan jika kita tidak memahami apa yang dipelajari," katanya yang bercita-cita melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan.

Dia yang merupakan anak ketiga daripada empat beradik akan meneruskan pelajaran di tingkatan enam atau program matrikulasi untuk memenuhi cita-citanya.

Bagi Gurvinderjeet pula, tumpuan semasa guru mengajar adalah penting di samping komitmen diri untuk menjadi pelajar cemerlang.

"Jika kita tidak faham terus bertanya kepada guru atau berbincang dengan rakan selain memastikan kita patuh kepada jadual waktu belajar," katanya.

Gurvinderjeet merupakan anak sulung daripada lima beradik bercita-cita melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan ke luar negara.

Sementara itu, Thean Weng yang merupakan Ketua Disiplin di sekolahnya menyifatkan kejayaan itu sebagai hasil kesungguhannya dalam mengulang kaji pelajaran.

"Apa juga yang kita lakukan mesti ada minat dan perlulah bersungguh-sungguh, anggap itu semua cabaran," katanya yang merupakan anak bongsu daripada tiga beradik.

Dia bercadang mengambil peperiksaan A Level untuk memenuhi cita-citanya menjadi saintis dalam bidang robotik.

Selain pelajar berkenaan sebanyak 15 pelajar memperoleh keputusan 11A1 dan 10A1 (30 orang) dan 9A1 sebanyak 2 orang.

Mereka yang memperoleh 11A1 ialah Han Yuet Ling, Wong Soon Leong dan Iman Nabila Muhd Ashik (SMK Aminuddin Baki), Chu Pei Fei, Jade Ng Yi Ming dan Adilah `Alia Zaki Morad (SMK Convent Bukit Nanas), Mohd Bazli Che Rozenan, Ong May Ling dan P. Ashvini (SMK Seri Sentosa), B. Anura, Wong Wei Yi dan Elaine Than Mei Fern (SMK Taman Tun Dr. Ismail), Alwyn Choo Yun Zhuang (SMK Victoria) dan Ng Sue Ann dari SMK Wangsa Maju Seksyen 2.

Pelajar yang mendapat 10A1 ialah Ainaa Atikah dari SM Sains Seri Puteri, Lim Xue Meng (SMK Perempuan Pudu), Tan She Yen, Marina Anthony Nicolson dan Chua Szu May (SMK Aminuddin Baki), Suzane Chin Shiyun dan Yap Kai Sing dari SMK Convent Bukit Nanas.

Turut mendapat keputusan yang sama ialah Nurfahana Zamri dari SMK Convent Jalan Peel, G. Lachoomi Piraya (SMK Convent Sentul), Liew Teng Teng (SMK Datuk Lokman), Ng Foh Lynn (SMK Kepong Baru), Sharon Alaina Stephen, Ong Siew Hoon dan Farida Nazahiya M. Salleh (SMK Puteri Titiwangsa), Badrul Hisham Ismail, Mohd Saiful Anuar Sabri dan Mahfuzah Ruselan (SM Sains Selangor).

Lain-lain ialah Kiew Poh Yee dan Yap Li Peng dari SMK Seri Bintang Utara, Ong Poh Wei (SMK Seri Sentosa), Wong Kok Choong dan Ng Chee Guan (SMK St. John), Jamie Stephanie (SMK Taman Bukit Maluri), Hum Jo Shua (SMK Taman Desa), Sabella Mohd Sukarno dan Trishelea Ann Sandosam (SMK Taman Seri Hartamas), Puteri Dila Shazrina (SMK Taman Tun Dr. Ismail), Yap Alan, Nabil Anaz Anzani Danapaul dan Abd. Karim Jamaludin dari SMK Victoria.

Pelajar yang memperoleh 9A1, Chan Su Li dari SMK Convent Jalan Peel dan Kamal Hadi Muhamad dari SMK Victoria.

(Source : Utusan Malaysia)